

Rayuan pendakwaan ditolak, denda ke atas lelaki miliki telur penyu kekal

KUCHING: Mahkamah Tinggi di sini, semalam menolak rayuan pendakwaan dan mengekalkan hukuman denda RM39,660 atau enam bulan penjara ke atas seorang lelaki yang mengaku bersalah memiliki 1,322 telur penyu secara haram pada tahun 2023.

Hakim Wong Siong Tung dalam memberikan keputusannya semalam antara lain berpendapat, mahkamah tidak menemui sebarang kesilapan prinsip dalam kes membabitkan responden, Abang Hassimsah Abang Zainal, 60.

Keputusan itu dibuat mahkamah selepas meneliti rayuan pada 2 Mac 2026 yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ronald Felix Hardin dari Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak yang mewakili Sarawak Forestry Corporation (SFC), sementara responden diwakili peguam Jong Yee Ling.

Pada 25 April 2024, Hakim Mahkamah Sesyen Iris Awen Jon menjatuhkan hukuman denda sebanyak RM30 bagi setiap biji telur penyu dimiliki responden yang mengaku bersalah memiliki 1,322 biji



KINI BEBAS: Abang Hassimsah (kiri) bersama peguam Jong ketika berada di lobi Kompleks Mahkamah Kuching, semalam.

telur penyu tanpa kebenaran kontroler hidupan liar.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya di sebuah premis komersial di Taman Lee Ling, Jalan Matang pada 15 Julai 2023 kira-kira jam 10 pagi.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 37(1) Or-

dinan Perlindungan Hidupan Liar 1998 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 37(2)(a) dibaca bersama Seksyen 29(1)(c).

Ini menjadikan jumlah hukuman denda adalah RM39,660, dan sekiranya gagal membayar, responden berhadapan hukuman enam

bulan penjara.

Mengulas lanjut, Wong berkata hakim Mahkamah Sesyen telah memberikan alasan penghakiman yang terperinci selain mengambil kira keseriusan kesalahan, kuantiti telur penyu yang banyak serta keperluan sebagai langkah pencegahan.

Beliau turut menjelaskan hukuman dijatuhkan Mahkamah Sesyen mematuhi Ordinan, selain mengulas bahawa Wild Life Crime Sentencing Guidelines and Sentencing Guidelines Calculator (WILDCAL) yang masing-masing diperkenalkan pada 2022 dan 2024 hanyalah sebagai panduan kepada hakim perbicaraan.

Jelasnya, hakim mempunyai budi bicara untuk menilai hukuman sewajarnya setelah mempertimbangkan kedua-dua faktor yang memberat dan meringankan.

“Sehubungan itu, rayuan (pendakwaan) ditolak dan hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Sesyen dikekalkan,” katanya.

Dalam pada itu, responden dilaporkan telah membayar denda tersebut dan dibenarkan bebas.